

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 MARCH 2017

Dr. Mahathir pernah gadai bahasa Melayu

KUALA LUMPUR 9

Mac - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang pernah memaksa dasar 'diglossia' (dua bahasa) melalui Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) jelas merampas hak bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Profesor Kesusasteraan Bandingan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Seri Dr. Md. Salleh Yaapar (**gambar**) berkata, malah dasar PPSMI yang pernah diterapkan di sekolah aliran kebangsaan pada 2003 itu merupakan tindakan melulu yang menderhaka Wasiat Raja-Raja Melayu dan melanggar Perlembagaan Persekutuan.

"Dr. Mahathir juga mengkhianati Dasar Pendidikan Kebangsaan kerana beliau telah menimbulkan kacau bilau dalam sistem pendidikan negara. Sejak itu juga, bahasa Melayu hanya boleh digunakan untuk mengajar subjek yang dianggap kurang penting seperti seni, sastera dan agama.

"Akibatnya, hari ini di sekolah dan universiti awam telah wujud fenomena 'aparteid' bahasa iaitu situasi menjunjung tinggi bahasa Inggeris dan pada masa sama menghina serta merendahkan bahasa Melayu," katanya semasa membentangkan kertas kerja: *Kewajipan Mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dalam bengkel Prakongres Sektor Bahasa* di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini semalam.

